
SIARAN BERITA

MyCC ANJUR PROGRAM “SEMBANG- SEMBANG BERSAMA MyCC”

KUALA LUMPUR, 9^{hb} Mac 2015 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengadakan program “Sembang-sembang bersama MyCC” hari ini dan ianya disasarkan kepada industri perniagaan serta persatuan pengguna untuk meningkatkan pemahaman mengenai Akta Persaingan 2010 (AP 2010).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Dr Mohd Khalid Bin Abdul Samad, “Platform ini digunakan untuk menjelaskan peranan utama MyCC iaitu untuk melindungi proses persaingan bagi kebaikan kepada peniaga, pengguna dan ekonomi negara. Dengan itu, MyCC akan sentiasa mengadakan sesi sebegini bagi membantu dan menggalakkan golongan peniaga khususnya untuk mematuhi Akta Persaingan 2010. Ini khususnya bagi membolehkan pasaran yang monopolistik mempunyai lebih ramai pesaing untuk menstabilkan atau menurunkan harga dengan meningkatkan penawaran.”

Program separuh hari ini telah dihadiri oleh wakil-wakil yang terdiri daripada industri-industri perniagaan serta persatuan-persatuan pengguna. MyCC akan menganjurkan program sebegini dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan AP 2010 serta impaknya terhadap ekonomi negara.

Untuk maklumat lanjut mengenai AP 2010 atau MyCC, sila layari www.mycc.gov.my.

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Anis Syafiqa, Tel +603 2273 2277 (ext 212), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.